



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

CABUTAN SIMPAN SSPN 2026 PERKUKUH BUDAYA MENABUNG DENGAN HADIAH HAMPIR 1.4 JUTA

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini melancarkan Kempen Cabutan Simpan SSPN 2026 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bertempat di Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur. Turut hadir Pengurusan PTPTN.
2. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan dalam memupuk amalan menabung melalui produk Simpan SSPN yang diperkenalkan pada tahun 2004. Pembudayaan amalan menabung merupakan fokus utama PTPTN bagi meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, penganjuran kempen ini juga adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada pendeposit Simpan SSPN kerana memilih Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk simpanan pendidikan anak-anak.
3. Kempen Cabutan Simpan SSPN 2026 menawarkan hadiah yang lumayan bernilai hampir RM1.4 juta untuk dimenangi oleh 954 orang pemenang. Tempoh promosi bermula pada 1 Januari 2026. Cabutan kali ini terdiri daripada tiga (3) cabutan istimewa iaitu Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026 (kategori tahunan), Cabutan WOW! Plus Siri dan Cabutan Simpan SSPN Baru Slay! seperti berikut:

BIL	KATEGORI	SIRI CABUTAN	TEMPOH KEMPEN
1	Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026		1 Januari 2026 - 31 Disember 2026
2	Cabutan WOW! Plus Siri	Siri 1	1 Januari 2026 - 30 April 2026
		Siri 2	1 Mei 2026 - 31 Ogos 2026
		Siri 3	1 September 2026 - 31 Disember 2026
3	Cabutan Simpan SSPN Baru Slay!	Slay 1	1 Januari 2026 - 31 Mac 2026
		Slay 2	1 April 2026 - 30 Jun 2026

4. Menariknya Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026 (tahunan) menawarkan hadiah utama sebuah kereta Honda CR-V 1.5L E, tempat kedua, kereta Perodua Ativa 1.0L Turbo AV untuk dua (2) pemenang, tempat ketiga, wang tunai RM30,000 untuk tiga (3) orang pemenang dan hadiah saguhati berupa wang tunai RM1,000 untuk 250 pemenang.

5. Manakala hadiah utama bagi Kategori Cabutan WOW! Plus Siri ialah wang tunai bernilai RM20,000 untuk seorang pemenang, tempat kedua wang tunai RM15,000 untuk dua (2) orang pemenang, tempat ketiga, wang tunai bernilai RM10,000 menanti tiga (3) orang pemenang dan hadiah saguhati berupa wang tunai RM500 untuk 50 pemenang bagi setiap siri.
6. Hadiah utama bagi Cabutan Simpan SSPN Baru Slay! pula ialah Motosikal Yamaha NVX 155 untuk seorang pemenang, tempat kedua Telefon Pintar (iPhone 17 Pro) untuk empat (4) orang pemenang, tempat ketiga ialah DJI Osmo Pocket 3 Creator Combo untuk 10 orang pemenang dan hadiah saguhati berupa wang tunai RM500 untuk 250 pemenang bagi setiap siri.
7. Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026 dan Cabutan WOW! Plus Siri merupakan inisiatif istimewa untuk pendeposit Simpan SSPN Plus. Cabutan WOW! Plus Loyalty 2026 diadakan bagi menghargai pendeposit setia sedia ada yang telah membuka akaun sehingga 31 Disember 2025 dan membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Manakala Cabutan WOW! Plus Siri terbuka kepada pendeposit baharu dan sedia ada yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan sepanjang tempoh kempen.
8. Untuk menyertai kempen ini pendeposit hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Setiap simpanan bersih RM50 merangkumi simpanan dan takaful layak mendapat lima (5) cabutan secara automatik. Pendeposit yang membuat simpanan melalui aplikasi myPTPTN, potongan gaji atau debit terus akan menikmati bilangan cabutan berganda iaitu 10 cabutan sekali gus memberi lebih banyak peluang untuk menang. Melalui pendekatan ini, PTPTN berharap memperkukuh amalan penabungan secara digital, selamat dan berterusan serta menggalakkan disiplin menabung dalam kalangan pendeposit.
9. Pengerusi PTPTN, Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "Buat julung kalinya, PTPTN turut memperkenalkan Cabutan Simpan SSPN Baru Slay! bagi menarik minat penyertaan generasi muda. Cabutan ini terbuka kepada pendeposit Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus yang berumur antara 16 hingga 29 tahun yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen. Pendeposit juga hendaklah membuat simpanan melalui aplikasi myPTPTN dalam tempoh kempen untuk menyertai cabutan ini."
10. "Sambil menabung, rebutlah peluang menyertai Cabutan Simpan SSPN 2026 yang berlangsung di sepanjang tahun. Besar harapan saya, kempen ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Dengan sokongan bersama, bukan sahaja dapat memperkukuh Simpan SSPN sebagai instrumen simpanan pendidikan utama negara, malah dapat membentuk generasi yang lebih bersedia, berdaya tahan, dan berilmu selari aspirasi Malaysia MADANI," ujarnya lagi.

11. Pada majlis yang sama, PTPTN turut meraikan pemenang Cabutan WOW! Simpan SSPN 2025 Kategori Cabutan WOW! Tahunan dan Cabutan Siri WOW! Superheroes. Pemenang bagi Hadiah Utama Cabutan WOW! Tahunan Kategori Platinum dan Kategori Gold memenangi kereta Mercedes-Benz A250 4Matic AMG Line dan Honda Civic 1.5L RS. Seorang pemenang utama bagi Cabutan Siri WOW! Superheroes membawa pulang wang tunai berjumlah RM30,000.
12. Simpan SSPN merupakan produk simpanan PTPTN yang menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat. Antaranya ialah pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan secara percuma sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, kadar dividen yang kompetitif, simpanan dijamin Kerajaan dan patuh syariah.
13. Sempena Belanjawan 2025, kerajaan telah bersetuju kriteria pemberian Geran Sepadan ke atas simpanan dalam akaun Simpan SSPN Prime bagi pelajar yang melanjutkan pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diperluaskan kepada keluarga berpendapatan melebihi RM4,000 sehingga RM6,000 bagi tempoh dua (2) tahun di bawah Inisiatif Geran Padanan Ihsan (GAPAI). Pendeposit yang layak kini boleh memohon geran sepadan sehingga RM5,000 untuk satu keluarga.
14. Maklumat lanjut berkenaan Simpan SSPN boleh diperoleh melalui portal rasmi www.ptptn.gov.my atau aplikasi myPTPTN untuk perkhidmatan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Diedarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
29 Januari 2026

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)